

TARIKH	SABTU, 8 JANUARI 2022
AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK ARTIKEL	TECHNOFIT CADANG BINA LOJI TENAGA BIOJISIM
M/S	25
BIDANG	ENERGY
KATA KUNCI	RENEWABLE ENERGY

## Technofit cadang bina loji tenaga biojisim

**Kuala Lumpur:** Syarikat kejuruteraan tempatan, Technofit Sdn Bhd bercadang untuk membina loji tenaga biojisim dalam usahanya menceburi segmen tenaga boleh diperbaharui di negara ini.

Pengarah Urusan Kumpulan Technofit, Datuk Mohd Izuddin Mohd Ilias (*gambar*) berkata, cadangan itu adalah sebahagian usaha syarikat mempelbagaikan perniagaan dengan memasuki segmen tenaga boleh diperbaharui negara dalam tempoh tiga tahun akan datang.

Katanya, ketika ini Technofit masih lagi dalam peringkat awal rundingan dengan beberapa rakan kongsi strategik mengenai pembinaan loji tenaga biojisim itu.

"Pelan pengembangan kumpulan untuk membina loji jana kuasa tenaga boleh diperbaharui mendapat maklum balas yang baik daripada pelabur dan rakan kerjasama potensi.

"Kumpulan yakin satu kerjasama dapat dicapai pada suku pertama tahun ini sebelum memulakan proses yang lebih lengkap merangkumi pelaburan dan kapasiti tenaga. Kami menjangkakan loji tenaga biojisim ini dapat direalisasikan dalam tempoh dua hingga tiga tahun akan datang," katanya selepas merasmikan Ruang Pameran Technofit Synergy Sdn Bhd di sini, baru-baru ini.

Mohd Izuddin berkata, Technofit yakin dapat melaksanakan loji tenaga itu berdasarkan kepada pengalaman dan kepakaran yang dimiliki kumpulan dalam kejuruteraan, perolehan, pembinaan dan pengoperasian (EPCC) serta penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO) sektor tenaga di Malaysia.

"Perniagaan teras kumpulan ketika ini adalah dalam EPCC dan MRO sektor tenaga serta minyak dan gas.

"Kami mempunyai tenaga kerja berkemahiran tinggi serta pengetahuan yang luas, memungkinkan kejayaan dalam loji tenaga biojisim ini," katanya.



DISEDIAKAN OLEH	1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM 2-CARLOS LINTON (S19), BPM UNIT PERPUSTAKAAN, BPM
-----------------	--